

TEKS UCAPAN REKTOR

BENGKEL PENYEDIAAN

KENYATAAN KORPORAT

KUTKM

TARIKH : 19 SEPTEMBER 2001

MASA : 8:00 PAGI

TEMPAT : STRAITS MERIDIAN HOTEL

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

**ALHAMDULLILLAH HIRABILALAMIN
WASSALATU WASSALAMU ALAA ASHRAFIL
ANBIA II WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASAHBIHI AJ'MAIN**

**ASSALAMMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**YBhg. Prof. Ismail bin Hassan
Timbalan Rektor Akademik**

**YBhg. Prof. Dr. Azhari bin Saleh
Timbalan Rektor
(Pembangunan & Perancangan Korporat)
Selaku Pengelola Bengkel Penyediaan Kenyataan
Korporat KUTKM**

Pegawai-pegawai Kanan

Dekan-dekan

Saudara dan saudari

Yang dikasihi sekalian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di bengkel ini yang akan membincangkan Penyediaan Kenyataan Korporat Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai institusi pengajian tinggi awam yang baru ditubuhkan, pelbagai perkara perlu dirancang dan disediakan agar objektif penubuhan KUTKM dapat direalisasikan. Sesebuah organisasi yang

ditubuhkan perlu mempunyai kenyataan korporatnya sendiri. Pada sesi bengkel ini, kita merancang untuk menyediakan misi dan visi KUTKM iaitu elemen penting yang bertindak sebagai panduan dan pedoman di dalam mencapai matlamat yang dirancang.

Saudara dan saudari,

Misi merupakan suatu matlamat untuk jangka masa yang panjang. Pencapaian misi amat penting kerana ianya akan menggambarkan kejayaan organisasi

tersebut. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambilkira di dalam menyediakan sesuatu misi dan visi dibentuk termasuklah seperti memasukkan analisa SWOT (strength, weakness, opportunity dan threat) iaitu mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman agar pernyataan misi yang dihasilkan adalah suatu yang padat, ringkas dan bermakna. Apa yang lebih penting dalam membentuk pernyataan misi dan visi ini juga adalah suatu yang semestinya selari dan berkaitan dengan konsep penubuhan KUTKM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bila kita memperkatakan tentang pembentukan misi, terlintas di kotak pemikiran kita kenapa misi ini perlu ada pada sesebuah organisasi. Di antara faktor kenapa misi perlu ada di dalam sesebuah organisasi adalah untuk membantu mengawal perjalanan sesebuah organisasi serta bertindak sebagai petunjuk arah supaya organisasi terus mencapai apa yang diharapkan. Ini kerana misi yang jelas akan membolehkan keseluruhan warga di satu-satu organisasi mengikut garis

panduan yang tepat dan sebarang maklumat yang dikehendaki umumnya daripada pihak luar akan disampaikan dengan tepat. Dengan ini konflik akan dapat dikurangkan dan fungsi misi organisasi akan menjadikan keputusan akan lebih mudah dibuat. Selain itu, misi dapat memberi satu ukuran piawaian dan membantu dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti organisasi. Sekiranya misi tidak ada, penilaian yang tepat tidak dapat dibuat untuk melihat prestasi organisasi dari masa ke masa. Tambahan lagi, dengan adanya misi dan visi dapat menyatukan segala

kegiatan yang dijalankan dalam organisasi kerana ianya secara automatik dapat memberi arahan dan sasaran dengan menggambarkan perkara yang sepatutnya dijalankan oleh staf dan sasaran yang patut dicapai serta menjadi garis panduan dalam merangka objektif yang hendak dirancang.

Hadirin yang dihormati,

Di dalam Penyediaan Kenyataan Korporat KUTKM perlulah juga mengambilkira aspek dasar dan strategi pengurusan sumber manusia. Penekanan adalah

diberikan kepada penyediaan perkhidmatan dan pengurusan Kolej Universiti yang mantap, efisien dan berkualiti sebagai wadah atau platform bagi melahirkan tenaga manusia di peringkat negara yang berkualiti sebagai teras kejayaan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Dalam pada itu, KUTKM juga menyedari bahawa pada masa ini cabaran globalisasi, liberalisasi ekonomi dan arus perubahan besar dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi turut memerlukan anjakan menyeluruh dalam bidang perkhidmatan.

Pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara efisien dan produktif amat penting terutama untuk mensejajarkan peranan dan fungsinya dalam era teknologi maklumat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan adanya bengkel ini, saya berharap agar matlamat kita untuk menyediakan kenyataan korporat KUTKM akan berjalan dengan lancar. Sumbangan melalui ide-ide bernas tuan-tuan dan puan-puan di bengkel ini amatlah diperlukan. Saya selaku

Rektor KUTKM mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dan semoga usaha kita di dalam menyediakan kenyataan korporat KUTKM ini diberkati oleh Allah SWT.

Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum wbt. wrt.*